

KeTTHA atasi masalah NRW

► *Laksana beberapa projek dalam dua hingga tiga bulan ini*

UB 24.3.2018 B2

Oleh SADDAM EDRIS

KOTA KINABALU: Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) akan melaksanakan projek mengurangkan masalah air bersih terawat yang hilang (NRW) dalam tempoh dua hingga tiga bulan ini.

Ketua Setiausaha KeTTHA Datuk Seri Ir Dr Zaini Ujang berkata, projek bernilai RM171 juta yang dilaksanakan dalam tempoh 2017 hingga 2020 itu akan melibatkan seluruh kawasan bandar yang ada di negeri ini.

"Kita sudah sudah menyenaraikan kesemua kontraktor berpengalaman yang akan terlibat dalam projek ini yang mana mereka yang terpilih akan dipantau dengan baik.

"Setakat ini, masalah air bersih terawat yang hilang lebih kurang 50 peratus dan kita akan kenalpasti punca berlakunya kehilangan air untuk kita perbaiki," katanya ketika ditemui selepas menyampaikan syarahan sains berjudul 'Science To Policy Making: My Reflection' di Dewan Resital Universiti Malaysia Sabah (UMS) pada Isnin.

Zaini berkata, punca berlakunya NRW adalah



KAMARUDIN (dua kiri) menyampaikan cenderahati kepada Zaini.

disebabkan masalah sistemik termasuklah daripada pengguna itu sendiri.

Katanya, salah satu sebab berlakunya masalah air terawat hilang adalah berpunca daripada paip meter air lama yang tidak diselenggara dan diganti baharu.

"Sepatutnya, paip meter air yang lama paling lewat kita harus tukar setiap 10 tahun, tapi saya fikir banyak tempat tidak ditukar menyebabkan sensitiviti paip tidak berfungsi dengan baik.

“Setakat ini, masalah air bersih terawat yang hilang lebih kurang 50 peratus dan kita akan kenalpasti punca berlakunya kehilangan air untuk kita perbaiki.”

DATUK SERI IR DR ZAINI UJANG
Setiausaha KeTTHA

"Hal ini juga menyebabkan perakam jumlah air yang kita guna tidak tepat sehingga bil air yang diguna tidak

sama dengan jumlah air yang digunakan," katanya.

Justeru, beliau berharap semua pihak tidak menunding

jari kepada satu sama lain tetapi perlu menjalankan peranan masing-masing bagi membantu mengurangkan masalah NRW berkenaan.

Mengenai syarahan yang julung kali diadakan di UMS itu, beliau berkata pelbagai topik mengenai perkembangan dan manfaat sains dibincangkan antara beliau dan warga universiti berkenaan.

Antara topik yang dibahaskan adalah dasar kelestarian yang menggunakan kaedah baharu iaitu pendekatan karbon serta peranan ahli sains yang kini menuntut mereka memiliki pemahaman tinggi berkaitan bidang berkenaan seiring arus perkembangan terkini.

Sementara itu, Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr D Kamarudin D Mudin berkata syarahan itu amat signifikan kepada warga UMS dalam merealisasikan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM).

Katanya, intipati syarahan itu akan menjadi sumber inspirasi, terutamanya kepada warga UMS agar sentiasa bersedia memacu kecemerlangan dalam pendidikan dan teknologi terkini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Mayor Bandaraya Kota Kinabalu Datuk Yeo Boon Hai.